

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN:

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan impak dari keseluruhan peruntukan dana di bawah bantuan sosial Kerajaan benar-benar berkesan dan mencapai matlamat.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan peruntukan dana di bawah bantuan sosial benar-benar memberi impak kepada golongan rentan, kerajaan telah melaksanakan tiga langkah utama iaitu rasionalisasi dan penyelarasan ke atas program-program bantuan sosial sedia ada, kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan menyediakan bantuan bersasar kepada golongan rentan supaya sumber dana kewangan kerajaan dibelanjakan dengan cekap dan berkesan.

2. Melalui pelaksanaan kajian semula PGK 2019 kepada RM2,208 berbanding PGK 2016 yang bernilai RM980, angka kemiskinan di dalam Sistem eKasih telah menunjukkan peningkatan daripada 175,079 kepada 505,714 Ketua Isi Rumah (KIR) berdasarkan maklumat yang dijana pada 15 November 2021. Cakupan yang lebih besar ini membolehkan bantuan bersasar disampaikan kepada golongan yang layak.

3. Selain itu, melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) Kerajaan sedang melaksanakan pemetaan program bantuan sosial di mana terdapat sebanyak 167 program yang melibatkan 17 agensi pemberi bantuan dijangka dapat disempurnakan pada suku pertama 2022. Langkah rasionalisasi akan dibuat bagi memastikan dana bantuan sosial yang telah diperuntukkan dibelanjakan kepada kumpulan sasar yang tepat dan dapat memberi impak yang dihasratkan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rangka pelan utama (masterplan) Petronas untuk explorasi minyak dan gas di perairan Sarawak dan apakah jangkaan jumlah simpanan minyak yang masih belum diterokai dan hayat penerokaan minyak di Malaysia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha memaksimumkan potensi sumber petroleum di luar pesisir pantai Sarawak, PETRONAS telah membangunkan pelan perancangan bersepadu yang mengoptimumkan strategi eksplorasi dan pembangunan dengan keutamaan dalam memastikan pengeluaran minyak dan gas yang mampan.
2. Pelan perancangan bersepadu ini sentiasa dikemaskini dengan mengambil kira sebarang penemuan baharu, teknologi terkini dan maklumat berkenaan sumber petroleum yang tersedia ada.

3. PETRONAS juga mempunyai perancangan untuk pembangunan industri hiliran minyak dan gas. Walau bagaimanapun, perancangan ini perlu diteliti kerana memerlukan pelaburan modal yang tinggi dan aplikasi teknologi khusus daripada pengendali-pengendali aset minyak dan gas, terutamanya dalam pengurusan bahan sisa seperti karbon dioksida (CO₂) dan hidrogen sulfida (H₂S) yang tinggi.

4. Selain daripada rancangan pembangunan, PETRONAS juga sentiasa merancang untuk menggiatkan aktiviti eksplorasi di luar pesisir pantai Sarawak termasuk perairan laut dalam (*deepwater*) bagi mengenal pasti potensi petroleum yang terdapat di kawasan tersebut dan mengurangkan risiko penerokaan. Atas usaha ini, PETRONAS, melalui pelancaran Malaysia Bid Round 2021 (MBR 2021) pada bulan Februari yang lalu telah mempromosikan enam (6) blok di luar pesisir pantai Sarawak, di mana dua (2) daripadanya adalah di kawasan laut dalam. Usaha ini adalah penting dalam memastikan kelestarian pelaburan modal tinggi untuk terus mengembangkan industri hiliran minyak dan gas.

5. Berkenaan jangkaan jumlah simpanan minyak yang masih belum diterokai di Malaysia (*Yet-to-Find resources*), anggaran pada tahun 2020 adalah sebanyak 20 bilion tong minyak setara (Bboe).

6. Berdasarkan rekod PETRONAS pada 1 Januari 2021 dan pengiraan "*Overall Resource Life Index*", anggaran simpanan petroleum semasa di Malaysia dijangka dapat bertahan selama 28 tahun.

Sekian, terima kasih.